


## **CK SLIDER JOOMLA 3.4 MANUAL**


- 1.0** Membuka module *Slideshow CK*
- 2.0** Pengurusan Slide
  - 2.1** Penambahan Slide
  - 2.2** Menghapuskan Slide
  - 2.3** Memasukkan image ke dalam slide
  - 2.4** Memautkan Image
    - 2.4.1** Memautkan melalui image
    - 2.4.2** Memautkan melalui pautan *read more*
  - 2.5** Memasukkan Video ke dalam slide

## 1.0 Membuka module *Slideshow CK*




Rajah 1

Untuk memasuki ke dalam module extension, anda perlu mencari perkataan '*extensions*' di top menu.



Rajah 2


Setelah anda menekan '*extensions*', drop-down menu akan terpapar dan pilih '*module manager*'.



Rajah 3


Selepas itu, senarai *module* akan terpapar. Pilih nama *module* '*Slideshow CK*'.

## 2.0 Pengurusan Slide




Rajah 4

Apabila anda telah memasuki *module 'Slideshow CK'*, anda ingin mengurus slide untuk muka depan laman web, anda perlu memilih tab '*Slides manager*'. Di dalam tab '*Slide Manager*' anda akan lihat seluruh slide yang sedia ada. Gambar di bawah adalah penerangan mengenai '*slide menu*' anda.



Rajah 5


## 2.1 Penambahan Slide



Rajah 6

Jika anda ingin menambah slide, anda boleh mencari butang 'Add a slide' yang terdapat di atas slide pertama dan juga di bawah slide terakhir.


## 2.2 Menghapuskan Slide



Rajah 7

Apabila anda ingin menghapuskan slide yang tidak diperlukan, terdapat butang 'X' terdapat di atas sebelah kanan untuk setiap slide.

## 2.3 Memasukkan image ke dalam slide



Rajah 8


Apabila anda telah menambah slide yang baru ataupun anda ingin mengubah gambar slide, terdapat butang 'Select an image' yang terpapar di setiap slide untuk membantu anda memasukkan gambar ke dalam slide anda.



Rajah 9

Setelah anda memilih untuk memasukkan gambar, *pop-up menu* akan terpapar untuk anda memilih gambar yang anda ingini. Merujuk kepada rajah 9:

1. Anda diminta untuk memilih gambar yang anda ingini,
2. Setelah anda pilih gambar tersebut, tekan butang 'Insert' untuk selesai. (\*note: anda diminta hanya untuk memilih satu gambar sahaja!)



Rajah 10

Jikalau gambar yang anda ingini tersebut tidak terdapat di dalam direktori server, anda boleh untuk memilih *upload* gambar tersebut daripada PC anda ke dalam server. Merujuk kepada rajah 10:


1. Tekan butang '*Choose Files*', dan pilih gambar yang anda ingini,
2. Selepas selesai memilih, tekan butang '*Start Upload*' untuk gambar tersebut dimasukkan ke dalam server. (*\*note: anda boleh memilih seberapa banyak gambar yang perlu tetapi harus mengikut size yang terkumpul iaitu tidak melebihi 10MB*)
3. Apabila gambar yang anda ingini tersebut telah pun terpapar di dalam direktori server, anda boleh merujuk kepada rajah 9.

## 2.4 Memautkan Image

Terdapat dua cara untuk memautkan image di dalam slide anda:

1. Memautkan melalui image,
2. Memautkan melalui pautan *read more*.


### 2.4.1 Memautkan melalui image



Rajah 11

Jika anda ingin untuk memautkan melalui gambar anda ke satu *article*, anda boleh memilih tab '*Link options*' di bahagian bawah setiap slide pilihan anda. Anda perlu memenuhi ruangan '*Link url*' tersebut dengan URL laman web anda sendiri ataupun ke laman web yang lain seperti gambar rajah 11.

## 2.4.2 Memautkan melalui pautan *read more*



Rajah 12

Jika anda ingin memautkan melalui pautan *read more* pula, anda boleh memilih tab '*Article options*' di bahagian bawah setiap slide. Anda tidak perlu mengisi ruangan seperti di dalam rajah 11. Anda hanya perlu menekan butang '*Select*' dan terus memilih article yang sedia ada di dalam laman web anda sendiri merujuk kepada rajah 13. Tetapi, dengan cara ini, anda tidak mempunyai kuasa untuk memautkan ke laman web yang lain selain daripada *article* yang sedia ada di dalam laman web anda sendiri.


Filter:

- Select Access -   - Select Status -   - Select Category -   - Select Language -

Title	Access	Category	Language	Date	ID
<a href="#">Implementation Malaysian Standard MS ISO/IEC 27001:2013</a>	Public	Information	All	2015-04-15	75
<a href="#">Kejohanan Sukan Masum Fasa II 2014</a>	Public	News & Events	All	2015-04-13	73
<a href="#">Contact Us</a>	Public	Information	All	2015-04-13	72
<a href="#">Pengenalan</a>	Public	General	All	2015-04-13	71
<a href="#">Smart Search</a>	Public	Utility Modules	All	2011-01-01	70
<a href="#">Quick Icons</a>	Public	Plugins	All	2011-01-01	69
<a href="#">Captcha</a>	Public	Plugins	All	2011-01-01	68
<a href="#">Latest Users Module</a>	Public	User Modules	All	2011-01-01	66
<a href="#">Ormiston Pound</a>	Public	Scenery	All	2011-01-01	65
<a href="#">Blue Mountain Rain Forest</a>	Public	Scenery	All	2011-01-01	64
<a href="#">Content</a>	Public	Plugins	All	2011-01-01	62
<a href="#">Breadcrumbs Module</a>	Public	Navigation	All	2011-01-01	61

Rajah 13

## 2.5 Memasukkan Video ke dalam slide



The screenshot shows the CKEditor Slideshow module interface. The top bar displays the path 'modules/mod\_slideshowck/images' and a 'Select an image' button. Below this, there is a 'ms' field with an hourglass icon. The main area contains 'Title' and 'Description' text boxes. At the bottom, there are four tabs: 'Image options', 'Link options', 'Video options', and 'Article options'. The 'Video options' tab is selected and highlighted with a red box. Below the tabs, the 'Video url' field contains the text 'http://player.vimeo.com/video/220:'. A red arrow points from the text 'URL video yang hendak dipapar ke dalam slide' to the 'Video url' field.

Rajah 14

Dengan menggunakan *Slideshow CK* ini, anda boleh juga memilih untuk memasukkan video ke dalam slide anda. Anda boleh memilih tab '*Video options*' yang terdapat di bahagian bawah setiap slide pilihan anda. Selepas itu, anda akan diminta untuk memenuhi ruangan '*Video url*' tersebut untuk memaparkan video anda di dalam slide laman web anda merujuk kepada rajah 14.